

Media Title : Harian Metro
Headline : Seorang pesara kerajaan kerugian RM658,520
Date : 7 January 2026
Section : Lokal
Page : 13



Seorang pesara kerajaan kerugian RM658,520

Marang: Seorang pesara kerajaan kerugian RM658,520 gara-gara diperdaya sindiket penipuan melalui panggilan telefon menyamar sebagai pegawai polis dan Timbalan Pendakwa Raya.

Ketua Polis Daerah Marang, Superintendan Mohd Sofian Redzuan berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (BSJK) Ibu Pe-

jabat Polis Daerah Marang, menerima laporan seorang lelaki berusia 68 tahun yang menjadi mangsa penipuan panggilan telefon.

Menurutnya, sindiket menyamar sebagai penjawat awam sebelum memperdayakan mangsa hingga mengalami kerugian RM658,520.

Katanya, insiden bermula 8 Disember lalu ketika

mangsa berada di rumah dan menerima satu panggilan telefon daripada suspek menyamar sebagai pegawai polis.

“Dalam perbualan itu sindiket memaklumkan mangsa terbahit dalam aktiviti penggubahan wang haram dan rasuah.

“Pada hari sama, mangsa menerima satu lagi panggilan telefon daripada seo-

rang individu yang memperkenalkan diri kononnya sebagai timbalan pendakwa raya,” katanya.

Beliau berkata, individu terbahit mengarahkan mangsa supaya melaporkan diri lima kali sehari melalui aplikasi WhatsApp, membuka satu akaun bank baharu dan memindahkan kesemua wang milik mangsa.